

## Nota Editor / Editor's Note

### Peranan Jabatan Geografi dan Alam Sekitar Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam memartabatkan bidang geografi

**Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah**

*Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia*  
*e-mel: suhaily@fsk.upsi.edu.my*

---

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang ditubuhkan secara rasmi pada 1 Mei 1997 membawa legasi kecemerlangan Sultan Idris Training College (SITC) dalam penghasilan tenaga pengajar akademik yang unggul dan seimbang untuk keperluan modal insan negara. Tanggungjawab melahirkan generasi pendidik yang mulia sahsiah, tinggi ilmu dan berkesan dalam penyampaian merupakan satu cabaran yang cukup besar dan ditangani secara berhemah menerusi penawaran program-program pengajian ijazah sarjana muda pendidikan dalam pelbagai bidang sama ada *hard science* dan *soft science* yang mempunyai pertalian yang sangat rapat dengan perkembangan dan pembangunan negara.

Penghasilan guru-guru siswazah merupakan satu agenda yang penting bagi memastikan pelbagai disiplin ilmu yang ada hari ini diberi 'nafas baru' yang selaras dengan perkembangan zaman pasca moden serta era globalisasi yang melanda seantero dunia. 'Nafas baru' yang dimaksudkan di sini ialah pelbagai disiplin ilmu yang ada perlu 'diperluaskan', dibuat penambahbaikan melalui kajian-kajian, penyelidikan, dan yang penting sekali ialah ia perlu relevan dengan kehidupan manusia pada masa depan. Ia merupakan satu amanah, satu cabaran yang tiada penghujung demi sebuah masa depan bangsa yang terpuji.

Dalam proses pembangunan yang pesat berlaku di negara ini, soal kerelevanan disiplin ilmu yang diajar di sekolah dan universiti sentiasa diketengahkan. Adalah menjadi kehendak negara supaya ilmu serta kemahiran yang diajar melalui sistem pendidikan itu relevan dan boleh memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan atau pembentukan negara-bangsa. Dalam kerangka demikian, disiplin geografi tidak terkecuali dalam menjadikannya lebih relevan untuk memenuhi pelbagai tuntutan masyarakat dan negara terutama apabila dikaitkan dengan masalah penggunaan sumber alam dan implikasinya terhadap alam sekitar. Kemahiran berfikir secara geografis iaitu secara meluas, liberal, jujur, adil, toleran, kritis dan lain-lain lagi amat relevan dan berguna dalam kehidupan seharian. Kewajaran kepentingan disiplin geografi terhadap pelajar-pelajar dari peringkat bawah lagi serta juga kepada masyarakat tidak harus dipersoalkan kerana melalui agenda pendidikan ini pembentukan

masyarakat yang peka terhadap segala isu yang wujud di dalam persekitaran dapat diperkasakan.

Bidang geografi di Malaysia masih terus kekal dalam arus pendidikan negara walaupun kedudukan subjeknya tidak lagi menjadi teras kepada kelompok disiplin ilmu peringkat Menengah Atas, malahan sesetengah pihak beranggapan ia tidak penting. Dalam menjambatkan antara *hard science* dan *soft science*, Geografi masih terus relevan dan selamanya harus relevan sebagai wadah untuk pendidikan umum selagi manusia itu masih lagi mendiami dalam sesebuah ruang dan berinteraksi di antara satu sama lain serta bertindak balas dengan alam sekitar fizikalnya. Geografi membuka minda untuk seseorang itu berfikir apa yang berlaku dalam kehidupan sehariannya, apa yang boleh dilakukan dalam konteks ruang hidupnya dan cuba memahami alam sekitarnya. Geografi adalah masa depan kita dan bukan sekadar mainan dalam media atau cakap-cakap dalam politik, geografi membawa kita semua memahami dunia secara jelas dan relevan.

Berbicara berkenaan kerelevanan disiplin ilmu, intipatinya boleh ditemui melalui pemahaman terhadap falsafah dan konsep yang mendokong perkembangannya. Dalam konteks ilmu geografi, pemahaman terhadap perkataan geografi itu sendiri perlu diberikan penekanan yang tidak berbelah bahagi kerana melaluinya segala apa yang ada dalam dunia di sekeliling kita akan dapat difahami dari segi fungsi dan kepentingannya. Geografi memberi ruang kepada manusia memahami fenomena bumi yang sememangnya luas dan banyak perkara yang ingin digambarkan melaluinya sama ada sistem fizikal dan kemanusiaan seperti sifat-sifat semulajadinya, kewujudan pelbagai elemen hidup dan tidak hidup di dalam pelbagai ekosistem, keberkaitan antara elemen atau komponen, serta kewujudan manusia itu sendiri dengan pelbagai sifat dan keinginan yang tidak terbatas dalam mencorakkan ruang dan masa yang ada.

Secara mudah, geografi itu amat sinonim dengan persoalan 'nama tempat' yang menjadi asas tentang elemen dan persoalan geografi yang wujud dalam sesuatu ruang dan mencari punca serta penyelesaian terhadap sesuatu isu yang berkaitan dengan persekitaran. Dari persoalan kecil itu, ia akan membawa pula kepada kemunculan persoalan-persoalan yang kompleks seperti 'kenapa manusia dan aktivitinya berada di dalam satu tempat di dalam ruang yang mereka duduki atau tinggal', bagaimana interaksi antara aktiviti mewujudkan pula keunikan dalam satu-satu tempat' dan 'bagaimana pula bentuk interaksi atau hubungan di antara kawasan yang berlainan memberi kesan kepada manusia'. Persoalan-persoalan inilah yang akan membawa kepada kepentingan kupasan dari sudut geografer tidak boleh lari dari membicarakan konsep dan kandungan daripada sains tabii dan sains sosial (meteorologi, geologi, botani, zoologi, sains politik, ekonomi, sejarah) yang diintegrasikan mengikut keperluan disiplin geografi itu sendiri sehingga menghasilkan pelbagai sub-bidang geografi seperti Geografi Fizikal, Geografi Manusia, Geografi Sejarah, Geografi Ekonomi dan Geografi Politik. Interaksi ini menjadikan disiplin geografi luas sifat pengkajiannya yang meliputi manusia dan persekitaran mereka secara keseluruhan. Maka, geografi itu sebenarnya luas perspektif dan ruang lingkungannya dalam menjelaskan keberkaitan manusia dan persekitarannya.

Berdasarkan definisi tokoh-tokoh geografi moden termasuk Chorley dan Kennedy (1971), dan Slaymaker dan Spencer (1998), kepentingan mempelajari disiplin geografi

dalam konteks yang lebih menyeluruh telah ditekankan iaitu geografi hari ini perlu keluar dari 'kongkongan' sifat-sifat tradisonal yang terlalu bergantung kepada maklumat satu-satu bidang kepada pendekatan yang lebih inovatif yang mengaitkan pelbagai maklumat dalam menjelaskan satu-satu fenomena geografi. Pendekatan yang lebih 'inovatif' inilah yang perlu diberikan perhatian terutama di kalangan 'pembuat dasar' bagi memastikan disiplin ilmu ini mendapat tempat yang sewajarnya. Keadaan ini relevan bukan sahaja dalam sistem pendidikan tetapi juga merentasi perancangan pentadbiran dan pembangunan negara yang tidak terlepas dari kaitan dengan persekitaran yang menjadi teras kepada persoalan geografi semasa. Jelasnya, selagi 'interaksi manusia-alam' wujud dan berlaku dalam ruang dan masa, selagi itulah disiplin ilmu ini relevan dan tidak boleh 'dipinggirkan'.

Dalam konteks kepentingan disiplin geografi, UPSI sebagai sebuah institusi pendidikan yang ulung di negara ini, telah memulakan langkah yang penting sejak April 1999 (bergerak sebagai sebuah unit kecil/program di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kesenian untuk meletakkan pendidikan geografi seiring dengan perkembangan disiplin ilmu yang lain terutama di sekolah-sekolah yang merupakan 'pusat' untuk menerapkan ilmu dalam memastikan penerimanya mempunyai kekuatan untuk menghayati dan memperjuangkan peri penting 'isi ilmu' itu tadi dalam konteks ruang kehidupan tanpa ada sempadan masa. Penawaran program pengajian Pendidikan Geografi bagi peringkat ijazah sarjana muda pada Semester 2 Sesi 2002/2003 bersama kewujudan Jabatan Geografi dan Sejarah dan kemudian pentadbirannya dipisahkan pada 1 Mac 2003 di bawah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) menjadi titik tolak kepada usaha untuk memartabatkan kembali disiplin geografi yang telah 'terpinggir' semenjak tahun 1993 sedangkan kepentingannya memang tiada tolak banding terutama dalam membantu untuk menjawab pelbagai 'musibah persekitaran' yang berlaku mutakhir ini.

Tahun 2002 juga memberi makna besar kepada Jabatan Geografi kerana telah memahat nama untuk duduk sebaris dalam peta institusi ternama tempatan yang menawarkan pengajian Geografi sepertimana UKM, USM dan UM. Graduan pendidikan Geografi kini 'bertebaran' di sekolah-sekolah Malaysia dan mengajar subjek Geografi walaupun kebanyakannya mengajar di peringkat menengah rendah. Peranan pendidikan itu secara langsung tonggak kepada 'kereklevanan ilmu'. Dengan ini, UPSI secara hakikatnya membantu meletakkan kembali martabat disiplin ini melalui penghasilan guru-guru geografi yang mempunyai kekuatan tersendiri hasil kombinasi kurikulum yang selaras dengan keperluan di zaman globalisasi ini. Mereka inilah menjadi 'agen' untuk 'merubah sifat tradisonal' geografi di sekolah untuk meletakkan semula geografi sebagai satu disiplin ilmu yang 'dihormati' di samping peranan sedia ada yang dimainkan oleh institut pengajian tinggi yang lain walaupun pengambilan di IPTA berkenaan semakin mengecil atas perubahan peranan sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang telah digariskan oleh kerajaan.

Kehadiran graduan berkenaan dalam pasaran kerja telah secara langsung mengecilkan jurang guru dan murid bagi subjek Geografi yang 'ditinggalkan' secara 'paksa' oleh sebilangan guru-guru Geografi yang dulunya bergraduat dari UKM, USM dan UM akibat perubahan dasar yang subjek tidak lagi menjadi wajib. Mereka

dengan berat hati terpaksa beralih arah mengajar subjek lain. Jurang umur antara graduan Jabatan Geografi UPSI dan 'orang-orang lama yang berpengalaman' agak besar, harapan tinggi diletakkan kepada generasi baharu ini untuk menyusun strategi dan mengorak langkah bagi membawa semula kegemilangan disiplin geografi sebagai wadah membicarakan segala isu persekitaran dengan lebih praktikal khususnya menerusi elemen pendidikan. Dedikasi khusus diberikan kepada pakar-pakar geografi tempatan yang membantu dalam pembinaan asas yang kukuh dan amat berkualiti bagi kurikulum (1999/2000) yang wujud dan ditawarkan sehingga hari ini. Mereka adalah Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Jamaluddin Jahi (UKM), Yang Berbahagia Prof. Dr. Morsidi Sirat (USM) dan Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Hassan Naziri Khalid (USM). Kurikulum yang dibina jelas prinsip dan falsafahnya untuk melahirkan guru geografi yang berpengetahuan dan berketrampilan, kreatif dan inovatif, berfikiran futuristik dan analitikal dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Geografi di sekolah di samping berkemampuan menjadi penggerak aktiviti sosial dalam masyarakat serta cukup bersedia berhadapan dengan situasi 'sukar' dalam membangkitkan kembali minat di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah rendah dan atas terhadap disiplin ini.

Dengan mempunyai kurikulum geografi yang kukuh dan relevan, sumber tenaga akademik muda berkecayaan dibantu barisan 'orang-orang lama' yang luas pengetahuan dan selok belok perkembangan geografi di Malaysia, Jabatan Geografi dan Alam Sekitar kini terus mengorak langkah dengan cukup berkesan. Bermula dengan seorang pensyarah pada April 1999, menjangkau kepada 16 orang dalam tempoh 15 tahun, dengan lebih separuh mempunyai kelayakan tertinggi dan terlibat secara aktif sebagai ahli jawatankuasa pembentukan kurikulum sekolah dengan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), Kementerian Pelajaran Malaysia usaha memartabatkan disiplin geografi terus dipacu. Pengalaman pahit manis perjalanan sebuah 'Jabatan Geografi' di UKM, USM dan UM sentiasa dijadikan ikhtibar agar kelompok akademik di UPSI dapat terus bersatu dalam satu pasukan membawa agenda besar negara dalam konteks perkembangan ilmu geografi. Mentor-mentor geografi dari IPTA ulung berkenaan sentiasa memberikan idea dan buah fikiran agar geografi dan pelaksana di UPSI sentiasa peka dan menjadikan disiplin relevan dengan keperluan negara.

Pertukaran nama kepada Jabatan Geografi dan Alam Sekitar pada 2010 membangkit sedikit tanda tanya kerana dibimbangi berlaku 'kecairan' kepada disiplin geografi sebagai dasar, tetapi atas pertimbangan dan hemah demi mengembang disiplin geografi secara lebih pragmatik, penyatuan dengan nama alam sekitar merupakan sebahagian langkah proaktif yang dapat menyedar dan membangkit minat khalayak terhadap geografi memandangkan isu alam sekitar sering didendangkan menerusi media mahupun perbualan politik. Secara tidak langsung ia menjadi saluran dalam menyampaikan maklumat/mesej berkenaan dengan persoalan alam. Sepanjang 15 tahun kewujudannya, empat siri seminar kebangsaan telah berjaya dianjurkan, selain syarahan-syarahan dan bengkel-bengkel akademik. Agenda penerbitan dan penyelidikan sangat dominan bagi pensyarah Jabatan Geografi dan Alam Sekitar bagi memperkukuh ilmu sedia ada dan meneroka ilmu baharu dan disebar luas. Jabatan

juga telah menghasilkan pelbagai buku-buku ilmiah, suntingan buku, penulisan artikel dalam jurnal sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kekuatan yang ada digembleng untuk mengorak usaha penyebaran ilmu ke peringkat tertinggi selain menjadi agen penjenamaan UPSI dengan menerbitkan sebuah jurnal yang boleh mengangkat martabat geografi dan UPSI yang dikenali sebagai GEOGRAFI.

GEOGRAFI merupakan sebuah jurnal yang menyediakan tempat untuk ahli geografi dan mereka yang mencintai bidang ini untuk berkongsi dan berbincang mengenai masalah dan isu-isu yang berkaitan dengan persekitaran fizikal dan manusia seperti cuaca dan iklim, sumber alam, masalah pencemaran alam sekitar, penduduk, sosio-ekonomi dan sebagainya. Penggunaan nama GEOGRAFI tetap dianggap global kerana ahli akademik yang mencintai geografi di merata dunia ini akan mengetahui kewujudan jurnal ini kerana bunyinya yang sama dalam bahasa Inggeris iaitu *Geography*. Pada masa sekarang hanya terdapat beberapa jurnal geografi yang masih aktif dalam penerbitan di Malaysia seperti Geografia oleh UKM, walau bagaimanapun masih sedikit artikel yang berkaitan dengan bidang geografi yang diterbitkan oleh jurnal berfokuskan kepada geografi. Pengetahuan dalam bidang ini boleh disebarluaskan untuk pembaca memahami tentang interaksi mereka terhadap alam sekitar. Setiap tahun IPTA di Malaysia menghasilkan ramai graduan Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang berkaitan dengan geografi secara langsung dan tidak langsung. Wadah penulisan akademik ini perlu diteruskan dengan wujudnya jurnal yang mengkhusus kepada bidang geografi yang merentas disiplin dan inilah keperluan kepada kewujudan GEOGRAFI. Bertitik tolak daripada usaha untuk memberi peluang kepada para sarjana sedia ada dalam bidang geografi, para ilmuan yang sedang menghabiskan pengajian mereka pada peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah juga diberi peluang untuk memberikan sumbangan idea dalam GEOGRAFI.

Selain itu, kewujudan GEOGRAFI memberi peluang kepada kakitangan akademik dalam bidang geografi khususnya di UPSI untuk membentangkan dapatan kajian mereka melalui geran penyelidikan yang diperolehi; membuka ruang dan peluang kepada ahli akademik dalam bidang geografi sama ada di institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negara untuk menyumbangkan artikel berkaitan bidang geografi; dan memperbanyakkan lagi karya-karya ilmiah dan akademik dalam bidang geografi khususnya di Malaysia.

UPSI sebagai satu-satunya universiti pendidikan di Malaysia boleh memainkan peranan sebagai penggerak bagi memartabatkan lagi bidang geografi dengan peranannya sebagai medium perkongsian ilmu di peringkat universiti, nasional dan juga antarabangsa. Tenaga akademik di UPSI ini telah terlibat dengan agensi-agensinya pendidikan seperti BPK dan MPM secara tidak langsung boleh menjadikan penerbitan GEOGRAFI sebagai antara sumber yang boleh digunakan oleh guru-guru geografi di Malaysia. Pada masa yang sama, wawasan UPSI untuk menjadi antara universiti terulung pendidikan di Asia menjelang 2020 boleh diperkukuhkan lagi dengan kewujudan GEOGRAFI yang mempunyai aspirasi untuk mendapat pengiktirafan *citation* daripada pelbagai pihak seperti ISI/SCOPUS. Jabatan Geografi dan Alam Sekitar UPSI bermatlamat sama dengan pihak universiti untuk menjadi universiti penyelidikan sains sosial yang terulung dengan menjadikan penerbitan GEOGRAFI

sebagai salah satu sumbangannya dengan penerbitan artikel jurnal berwasit yang banyak dan berkualiti.

Pelancaran terbitan pertama GEOGRAFI ini telah mengorak langkah bagi memartabatkan disiplin geografi di persada negara dan antarabangsa. Terbitan pertama ini memberi ruang kepada tokoh-tokoh geografi tempatan untuk menyumbangkan idea mereka dalam disiplin ilmu geografi yang sangat dinamik sifatnya. Ia juga sebagai satu penghargaan kami kepada ahli-ahli geografi 'senior' yang telah banyak menyumbang kepada wujudnya disiplin geografi di UPSI.